



KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (SUHAKAM)

EDITOR, MEJA BERITA

UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

KUALA LUMPUR (21 MAC 2020) - Hari Antarabangsa mengenai Penghapusan Diskriminasi Kaum diraikan oleh seluruh komuniti antarabangsa pada 21 Mac setiap tahun. Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) menerima hakikat bahawa terdapat pelbagai cabaran dalam usaha mengekalkan kestabilan dan keamanan memandangkan negara kita terdiri daripada masyarakat berbilang kaum; dari pelbagai agama dan etnik, antaranya majoriti dan sebilangan minoriti. Kami yakin bahawa kepelbagaian ini merupakan satu kekuatan dan faktor perpaduan untuk negara kita.

SUHAKAM ingin mengingatkan Kerajaan Malaysia mengenai hubungan fidusiari yang wujud di antara Kerajaan dan rakyat, di mana Kerajaan berperanan penting dalam memastikan Perkara 8 (1) Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan “Semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang” didukung dan dilindungi sepenuhnya dalam keadaan aman mahupun ketika krisis. Penghapusan diskriminasi merupakan langkah yang penting dalam membuka jalan ke arah mencapai kesamarataan untuk semua tanpa mengira bangsa, warna kulit atau negara asal mereka.

Situasi serius seperti pandemik COVID-19 yang melanda negara pada ketika ini, di mana Malaysia merupakan salah satu negara yang paling terjejas di Asia Tenggara, memberikan satu peringatan bahawa setiap manusia mempunyai risiko yang sama untuk terdedah kepada sebarang penyakit. Kerjasama setiap golongan masyarakat diperlukan untuk mengatasi cabaran besar sebegini. Pendekatan secara holistik diperlukan untuk memerangi virus dengan jayanya, termasuk memberi perlindungan perubatan dan ekonomi kepada golongan rentan dan terabai di kalangan masyarakat.

Memetik ucapan Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Hak Asasi Manusia, Puan Yang Terutama Michelle Bachelet, “Setiap negara yang terjejas perlu mengambil langkah-langkah sewajarnya dalam menangani xenophobia ataupun stigma sosial”; SUHAKAM menyambut baik usaha Kerajaan dan pihak berkuasa yang memberikan fokus dalam mengawal penyakit, mengenalpasti dan merawat mereka yang dijangkiti tidak kira warganegara Malaysia mahupun mereka dari kalangan komuniti yang terpinggir atau migran.

Ini merupakan masa yang amat mencabar dan SUHAKAM menekankan bahawa usaha perlu dilipatgandakan untuk menghapuskan segala bentuk diskriminasi kaum. Perkauman dan Covid-19 merupakan suatu yang menular dan boleh membahayakan manusia. Hubungan dalam komuniti perlu diperkuatkan dan masyarakat perlu saling menyokong agar semua lapisan masyarakat berada dalam keadaan selamat dan sejahtera. Sikap saling menghormati dan mempercayai antara satu sama lain merupakan tanggungjawab yang harus dipikul bersama oleh masyarakat. Masyarakat Malaysia secara keseluruhannya perlu menepis segala sikap prejedis dan belajar untuk menerima perbezaan antara kita, sekiranya ingin berjaya dalam menangani pandemik ini ataupun mencapai kejayaan dalam apa sekalipun yang diusahakan oleh negara di masa hadapan.

-TAMAT-

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

21 Mac 2020

Pertanyaan media: Sila hubungi Pn. Norashikin Hamzah melalui 03-2612 5687 / 019-621 5336 atau shikin@suhakam.org.my

“Hak Asasi untuk Semua”

Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi Suruhanjaya di 03-2612 5600